

eISBN:978-629-95849-0-2



2nd SKPDT
2025

E- proceeding

2nd SEMINAR KEBANGSAAN PENDIDIKAN & TEKNOLOGI 2025

3 MEI 2025

ANJURAN:



Copyright © 2025

ACADEMIC INSPIRED NETWORK

All rights reserved. No part of this proceeding may be reproduced in any form, except for the inclusion of brief quotations in review, without permission in writing from the author/ publisher.

eISBN:978-629-95849-0-2

Published by:
ACADEMIC INSPIRED NETWORK
(KT 0416380 – P)
Kota Bharu
Kelantan

SENARAI AHLI JAWATANKUASA UTAMA PROGRAM

PENGERUSI

Assoc. Prof. Dr. Jalilah binti Md Shah (Universiti Malaysia Sabah)

PENGARAH PROGRAM

Zaim Shah bin Adnan@Nasir (Academic Inspired Network)

SETIAUSAHA

Siti Nor Ain binti Osman (Academic Inspired Network)

BENDAHARI

Siti Nor Ain binti Osman (Academic Inspired Network)

JAWATANKUASA TEKNIKAL

Nur Aziilah Izyan (Academic Inspired Network)

Nor Haslinda binti Ahmad (Academic Inspired Network)

KETUA JAWATANKUASA PENILAI KERTAS PENYELIDIKAN

Dr. Dicky Wiwittan bin Toto Ngadiman (Politeknik Tawau Sabah)

SEMAKAN PENERBITAN

Mohliyani binti Jaling (Politeknik Tawau Sabah)

PROMOSI

Rosidah binti Mohd Saad (Politeknik Kota Bharu)

Herasuhanti binti Hermain (Politeknik Kuching)

BUKU PROGRAM & ATURCARA PROGRAM

Elena binti Anwar (Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin)

Faizal bin Abdul Razak (Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin)

Nur Arina Syasya binti Abdullah (Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin)

PERSEDIAAN MAJLIS

Dr. Ustaz Muhammad Sayuti bin Sabdan (Politeknik Tawau Sabah)

PENGACARA MAJLIS

Khuzaimah binti Bahari (Politeknik Tawau Sabah)

MODERATOR KUMPULAN PEMBENTANGAN

Mohliyani binti Jaling (Politeknik Tawau Sabah)

Norhazlina binti Sahari (Kolej Komuniti Segamat 2)

Mohamad Zulhilmy bin Mohamad Yusop (Politeknik Tawau Sabah)

Abdul Rashid bin Husain (Politeknik Port Dickson)

Azyati Ilyani binti Aznan (Politeknik Ungku Omar)

Rosilah binti Man (Politeknik Tawau Sabah)

Shabriyah binti Sehat (Kolej Komuniti Tasek Gelugor)

Nurzaima binti Mahmud (Kolej Komuniti Segamat 2)

Nurulhuda binti Ishak (Politeknik Seberang Perai)

Nor Zaris bin Abdul (Politeknik Kota Kinabalu)

SENARAI AHLI JAWATANKUASA UTAMA PROGRAM

PANEL PEMBENTANGAN

Dr. Rina Fakhizan binti Mohd Sukri (Politeknik Metro Kuantan)
Sukmawati binti Ismail (Politeknik Kota Bharu)
Nur Shahira binti Mohamad Nor (Politeknik Port Dickson)
Mohd Hafiz bin Md Sani @ Abd Rahim (Kolej Komuniti Ledang)
Dr. Saifulazry bin Mokhtar (Universiti Malaysia Sabah)
Masarizan binti Mohamed (Politeknik Kota Bharu)
Dr. Tshin Lip Vui (Politeknik Tawau Sabah)
Abd Rahman bin Yaacob (Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin)
Nur Hanani binti Daud (Politeknik Kota Bharu)
Mohd Azmi bin Juan (Politeknik Tawau Sabah)
Dr. Zainatuliza binti Zainal Abidin (Politeknik METRO Kuala Lumpur)
Dr. Dicky Wiwittan bin Toto Ngadiman (Politeknik Tawau Sabah)
Dr. Azmin Bin Pullong (Universiti Teknologi Mara)

REKABENTUK SIJIL

Herasuhanti binti Hermain (Politeknik Kuching)
Ruqayah binti Toto Ngadiman (Universiti Malaysia Sabah)

PENDAFTARAN

Dr. Dicky Wiwittan Toto Ngadiman (Politeknik Tawau Sabah)

86. PENGGUNAAN <i>EBOOK PRACTICAL ARCGIS 10.8</i> SEBAGAI ALAT BANTU MENGAJAR BAGI KURSUS DYA40143 <i>PRECISION AGRICULTURE</i>	855
87. PENGOPERASIAN KONSEP TAWARRUQ DALAM AR-RAHNU YAPEIM DAN IMPLIKASINYA TERHADAP USAHAWAN MIKRO DI MALAYSIA	866
88. PENGURUSAN HARTA BAGI PASANGAN PERKAHWINAN SIVIL SELEPAS MEMELUK ISLAM.....	874
89. PENILAIAN KEBERKESANAN PENGGUNAAN PRECAST CONCRETE DALAM SISTEM IBS DI TAPAK PEMBINAAN 1.0.....	889
90. PENILAIAN KEPERLUAN PASARAN DAN RELEVANSI PROGRAM SIJIL KHAS PEMBUATAN SERAMIK DI KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH	895
91. PERSEPSI PELAJAR POLITEKNIK METrO KUANTAN (PMKu) TENTANG PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.....	905
92. PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN ALAT KECERDASAN BUATAN (AI) BAGI SUBJEK MATEMATIK KEJURUTERAAN DI POLITEKNIK PORT DICKSON.....	917
93. PERSPEKTIF PELAJAR TERHADAP PEMASANGAN PENYAMAN UDARA KEDIAMAN DI KOLEJ KOMUNITI LEDANG.....	928
94. PRODUCTIVITY IMPROVEMENT ON CAR WEATHER STRIP ASSEMBLY LINE IN AUTOMOTIVE PRODUCTION INDUSTRY	939
95. RESILIENCE REDEFINED: EMPOWERING TVET STUDENTS FOR MALAYSIA'S FUTURE.....	947
96. STUDENTS' ACCEPTANCE OF USING CIDOS (CURRICULUM INFORMATION DOCUMENT ON-LINE SYSTEM) FOR LEARNING BIOLOGICAL SCIENCE IN POLYTECHNIC OF SANDAKAN SABAH.....	956
97. SUSU BIJI DURIAN: ALTERNATIF TUMBUHAN HIPOALERGENIK DENGAN POTENSI PEMAKANAN DAN PENERIMAAN PENGGUNA.....	963
98. TABIAT BERBELANJA PELAJAR DALAM ERA E-DAGANG: PENGARUH BUY NOW PAY LATER TERHADAP KEPUTUSAN PEMBELIAN	974

PERSEPSI PELAJAR POLITEKNIK METRO KUANTAN (PMKU) TENTANG PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

STUDENTS' PERCEPTION OF THE FEDERAL CONSTITUTION AT POLITEKNIK METRO KUANTAN (PMKu)

Rina Fakhizan binti Mohd Sukri ^{1*}
Shahirah binti Muhammad Zin ²

¹ Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik METRO Kuantan, 25200 Kuantan, Pahang, Malaysia
(rinaf@pmku.edu.my)

² Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik METRO Kuantan, 25200 Kuantan, Pahang, Malaysia
(shahirah@pmku.edu.my)

*Corresponding author: rinaf@pmku.edu.my

Abstrak: *Perlembagaan adalah sebuah dokumen bertulis yang amat penting bagi sesebuah negara juga merupakan panduan dalam sistem pemerintahan negara. Oleh itu, setiap warganegara, tanpa mengira usia, sama ada yang telah bekerja atau masih belajar, perlu memahami serta menghayati perlembagaan. Namun, masih ramai pelajar yang tidak mempunyai pemahaman mendalam tentang konsep, peranan, dan kepentingan Perlembagaan Persekutuan dalam kehidupan seharian sebagai asas pembentukan negara. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pengetahuan dan pemahaman pelajar tentang Perlembagaan Persekutuan serta pandangan dan sikap pelajar PMKu terhadap Perlembagaan Persekutuan. Reka bentuk kajian ini dilakukan dengan melibatkan 92 orang responden. Borang soal selidik digunakan sebagai instrument kajian bagi mengkaji dan mengukur tahap pengetahuan serta pandangan dan sikap pelajar terhadap Perlembagaan Persekutuan. Data yang diperolehi di analisis secara deskriptif statistik menggunakan perisian SPSS versi 27 untuk mendapatkan taburan kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai pengetahuan asas yang tinggi, di mana lebih 90% responden menjawab “Ya” bagi soalan-soalan berkaitan fakta penting Perlembagaan. Manakala bagi pandangan dan sikap pelajar berada pada tahap tinggi dan purnama pendidikan dalam membentuk persepsi pelajar terhadap Perlembagaan Persekutuan berada pada tahap tinggi. Keseluruhannya pelajar menunjukkan kecenderungan positif terhadap Perlembagaan Persekutuan.*

Kata Kunci: *Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang, Pelajar*

Abstract: *The Federal Constitution is a vital written document for any nation and serves as a guide for the country's system of governance. Therefore, every citizen regardless of age, whether working or still studying needs to understand and appreciate the Constitution. However, many students still lack a deep understanding of the concepts, roles, and significance of the Federal Constitution in daily life as the foundation of nation-building. The objective of this study is to identify the level of knowledge and understanding among students regarding the Federal Constitution, as well as their views and attitudes towards it. The research design involved 92 respondents. A questionnaire was used as the research instrument to examine and measure students' knowledge, views, and attitudes towards the Federal Constitution. The data obtained was analyzed descriptively using SPSS version 27 to generate frequency distributions,*

percentages, and mean values. The findings showed that the majority of students possess a high level of basic knowledge, with over 90% of respondents answering "Yes" to questions related to key facts about the Constitution. Meanwhile, students' views and attitudes were found to be at a high level, and the role of education in shaping students' perceptions of the Federal Constitution was also rated highly. Overall, the students demonstrated a positive inclination towards the Federal Constitution.

Keywords: *Federal Constitution, legal, student*

Pengenalan

Setiap negara yang merdeka dan berdaulat memiliki perlembagaannya tersendiri. Perlembagaan adalah instrumen yang amat penting untuk mengekalkan keutuhan dan kestabilan sesebuah negara dan kesetiaan setiap warganegara (Anon 2011). Perlembagaan Persekutuan merupakan titik permulaan satu ikatan yang bermakna dalam mensejahterakan hubungan masyarakat majmuk setiap warganegara untuk mendalami, memahami dan menghayati pengisian negara ini sejak era pramerdeka sehingga kini (Mardiana Nordin et.al 2014) bagi memastikan kepentingan ilmu yang di Malaysia. Sikap positif dalam kalangan pelajar boleh dicapai apabila pengetahuan berkaitan Perlembagaan Persekutuan diberi penekanan bermula di peringkat sekolah rendah sehingga peringkat universiti. Justeru, bagi meningkatkan tahap disiplin dan etika bagi individu dan masyarakat dalam bernegara, pemahaman terhadap perlembagaan merupakan perkara yang sangat penting (Mohd Azri et. el 2020). Oleh itu, sebagai rakyat amnya dan pelajar khususnya, adalah penting kepada dipelajari oleh pelajar dapat dimanfaatkan dan akhirnya pelajar dapat menggunakan ilmu perlembagaan tersebut untuk kebaikan pelajar, masyarakat dan negara.

Pernyataan Masalah

Perlembagaan adalah sebuah dokumen bertulis yang amat penting bagi sesebuah negara (Nadzan Haron & Rozeman Abu Hassan, 2010). Setiap warganegara, tanpa mengira usia, sama ada yang telah bekerja atau masih belajar, perlu memahami serta menghayati perlembagaan. Namun, masih ramai pelajar yang tidak mempunyai pemahaman mendalam tentang konsep, peranan, dan kepentingan Perlembagaan Persekutuan dalam kehidupan seharian sebagai asas pembentukan negara. Selain itu, terdapat juga pelajar yang mempunyai tanggapan negatif atau salah faham terhadap perlembagaan dan menganggapnya sekadar dokumen undang-undang yang hanya relevan untuk pelajar dan pengamal undang-undang. Tahap pemahaman yang rendah ini mungkin berpunca daripada kurangnya pendedahan atau kaedah pengajaran yang kurang menarik dan tidak relevan, memandangkan kebanyakan sumber rujukan bersifat teknikal serta kurang menarik minat pelajar.

Ketiadaan bahan yang interaktif dan moden menjadi salah satu faktor yang menghalang pelajar daripada memahami perlembagaan dengan lebih baik, sekaligus mempengaruhi persepsi mereka terhadapnya. Selain itu, penglibatan pelbagai pihak turut memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan pelajar mengenai perlembagaan. Oleh itu, isu ini perlu diberi perhatian dan ditangani dengan serius kerana ia melibatkan tanggungjawab setiap warganegara terhadap negara.

Objektif Kajian

1. Untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan pemahaman Pelajar Politeknik METrO Kuantan tentang Perlembagaan Persekutuan.
2. Untuk mengetahui pandangan dan sikap Pelajar Politeknik METrO Kuantan terhadap Perlembagaan Persekutuan.
3. Untuk menganalisis sejauh mana pendidikan, media dan institusi memainkan peranan dalam membentuk persepsi pelajar terhadap Perlembagaan Persekutuan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran dan menambah pengetahuan serta keyakinan kepada politeknik khususnya pelajar Politeknik METrO Kuantan berkaitan tanggungjawab menjadi seorang warganegara yang memahami tentang perlembagaan.

Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji seterusnya dan menambahkan lagi kajian berkaitan kefahaman tentang perlembagaan dalam kalangan pelajar sekolah menengah atau rendah serta pelajar-pelajar IPTA/IPTS seluruh negara. Kajian ini juga penting untuk menjadi rujukan kepada pihak berwajib untuk mengambil inisiatif bagi memastikan Perlembagaan Persekutuan bukan sekadar dipandang sebagai dokumen undang-undang negara sahaja.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya dijalankan kepada pelajar Politeknik semester 1 dan semester 5 Politeknik METrO Kuantan yang mengambil kursus Penghayatan Etika dan Peradaban bagi semester 1 dan Food Law and Regulation bagi semester 5 Diploma Perkhidmatan Amalan Makanan Halal (DHF) Sesi I 2024/2025. Justeru, kajian tidak melibatkan pelajar selain daripada semester 1 dan semester 5 DHF Politeknik METrO Kuantan.

Kajian Literatur

Dalam membincangkan persepsi pelajar PMKu terhadap perlembagaan, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan. Salah satu kajian yang dijalankan bertajuk "Kefahaman Elemen Perlembagaan Persekutuan dalam Pembelajaran Subjek Sejarah", yang melibatkan 139 pelajar dari Kolej PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar terhadap elemen-elemen perlembagaan adalah tinggi, kerana mereka memiliki pengetahuan yang luas serta kemahiran dan sikap yang baik dalam menilai elemen-elemen berkaitan perlembagaan (Norfiza et al., 2024). Selain itu, kajian oleh Norfiza et al. (2022) telah meneliti tahap pemahaman pelajar ASASIpintar, Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap interpretasi jati diri dalam Perlembagaan Persekutuan. Kajian ini melibatkan 76 orang pelajar ASASIpintar, dan hasilnya menunjukkan bahawa pemahaman mereka mengenai interpretasi jati diri dalam Perlembagaan Persekutuan adalah tinggi. Begitu juga dengan sikap serta kemahiran mereka dalam menilai aspek berkaitan perlembagaan yang turut berada pada tahap yang baik.

Satu lagi kajian yang membincangkan kefahaman dan pengetahuan pelajar mengenai Perlembagaan Persekutuan adalah kajian bertajuk "*Pengetahuan tentang Perlembagaan dan Undang-undang dalam Kalangan Pelajar Baharu di Universiti Malaysia Sabah (UMS)*" oleh Mohd Azri et al. (2020). Kajian ini melibatkan pelajar baharu UMS sebagai responden, dan hasilnya menunjukkan bahawa mereka memiliki pandangan yang positif terhadap

perlembagaan. Sebilangan besar pelajar juga mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang baik berkaitan perlembagaan serta undang-undang.

Kajian yang dijalankan oleh Zamri Mahamod et al. (2017) meneliti tahap pemahaman, penghayatan, dan pengamalan jati diri dalam kalangan pelajar aliran pendidikan di universiti awam. Seramai 1000 orang pelajar dari Fakulti Pendidikan yang mengikuti pelbagai program pengajian di lima buah universiti awam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaya (UM) telah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan ketara dari segi tahap jati diri pelajar mengikut institusi masing-masing. Secara keseluruhan, aspek jati diri bahasa merupakan satu-satunya konstruk yang masih menunjukkan tahap kekal (kukuh) dalam kalangan pelajar. Enam lagi aspek jati diri yang dikaji iaitu agama, ilmu, nilai, budaya, perpaduan, dan semangat nasionalisme turut berada pada tahap kukuh, namun dengan variasi yang berbeza mengikut universiti. Dari sudut perbandingan antara institusi, pelajar dari Universiti Malaya (UM) dikenal pasti sebagai kumpulan yang paling rendah tahap pemahaman, penghayatan, dan pengamalan terhadap jati diri bahasa Melayu. Sebaliknya, pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) menunjukkan tahap jati diri yang paling konsisten dan kukuh bagi ketujuh-tujuh konstruk yang dikaji, merangkumi kesemua aspek yang diteliti.

Selain itu, kajian oleh Nazri Muslim (2016) yang bertajuk “Kefahaman dan Penerimaan Belia terhadap Perlembagaan Persekutuan Malaysia”. Kajian ini melibatkan seramai 400 orang responden yang terdiri daripada belia sekitar Lembah Klang. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman, pengetahuan dan penerimaan belia terhadap Perlembagaan Persekutuan diterima baik, yang dipengaruhi oleh faktor-faktor etnik, agama, aliran sekolah rendah dan menengah.

Seterusnya, kajian oleh Mastura Abd Wahab et al. (2022) yang bertajuk “Pengetahuan, Sikap dan Penghayatan Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan Pelajar Universiti dan Hubungannya dengan Latar Belakang Demografi” turut memberikan sumbangan yang bermakna dalam memahami persepsi golongan pelajar terhadap nilai-nilai tradisi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Kajian ini melibatkan seramai 572 orang responden dalam kalangan pelajar universiti yang dipilih secara rawak berkelompok dari pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menentukan tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan pelajar universiti terhadap unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan, seperti kedudukan Raja-Raja Melayu, agama Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, serta hak-hak istimewa orang Melayu dan bumiputera. Kajian ini juga meneliti hubungan antara latar belakang demografi responden dengan ketiga-tiga aspek yang dikaji, iaitu pengetahuan, sikap dan penghayatan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan pelajar universiti terhadap unsur-unsur tradisi yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, apabila dianalisis berdasarkan latar belakang demografi seperti jantina, etnik, program pengajian dan institusi, terdapat perbezaan yang ketara dalam tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan terhadap unsur tradisi. Kajian ini juga mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara ketiga-tiga aspek tersebut, namun tahap kekuatannya adalah berbeza-beza bergantung kepada pemboleh ubah demografi yang terlibat. Penemuan ini menekankan kepentingan memahami

konteks sosio-demografi dalam menilai sejauh mana mahasiswa menghayati nilai-nilai asas kenegaraan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Ia turut memberi implikasi bahawa pendidikan dan pendedahan terhadap peruntukan tradisional dalam Perlembagaan perlu disesuaikan mengikut latar belakang pelajar agar kesedaran dan penghayatan dapat ditingkatkan secara menyeluruh.

Selain itu, kajian oleh Masturan Abd Wahab et al. (2022) yang bertajuk “Pengetahuan, Sikap dan Amalan Belia di Lembah Klang terhadap Unsur-unsur Tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan” turut memberikan sumbangan yang signifikan dalam memahami tahap penghayatan golongan muda terhadap nilai-nilai tradisi yang termaktub dalam Perlembagaan negara. Kajian ini melibatkan seramai 416 orang responden dalam kalangan belia daripada pelbagai latar etnik yang menetap di kawasan Lembah Klang. Fokus utama kajian ini adalah untuk menilai tahap pengetahuan, sikap dan amalan golongan belia terhadap unsur-unsur tradisi yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan, termasuklah kedudukan institusi Raja-Raja Melayu, agama Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, serta hak-hak istimewa orang Melayu dan bumiputera. Elemen-elemen ini dianggap sebagai tunjang kepada identiti dan kestabilan negara Malaysia sejak merdeka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, sikap dan amalan belia terhadap unsur-unsur tradisi tersebut secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Penemuan ini mencerminkan kewujudan kesedaran, pemahaman dan penghargaan yang baik dalam kalangan belia terhadap nilai-nilai tradisional yang membentuk kerangka Perlembagaan Persekutuan dan identiti negara. Walaupun kajian ini hanya tertumpu kepada belia di kawasan bandar, khususnya di Lembah Klang, ia tetap memberi gambaran awal bahawa unsur-unsur tradisi yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan masih lagi relevan, difahami dan dihargai oleh generasi muda masa kini. Ini sekaligus memberikan isyarat positif terhadap kesinambungan penghayatan nilai-nilai kenegaraan dalam kalangan belia, yang merupakan pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan.

Beberapa kajian terdahulu berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah dijalankan bagi meneliti tahap kefahaman, kesedaran dan penerimaan masyarakat terhadap peruntukan tertentu dalam perlembagaan, khususnya yang melibatkan Islam, orang Melayu dan bahasa Melayu. Kajian oleh Baterah Alias et al. (2015) bertajuk “*Peruntukan Islam dan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan: Suatu Kajian terhadap Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Negeri Selangor*” memberi fokus kepada analisis tahap kefahaman dan kesedaran dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi di Selangor berkenaan peruntukan berkaitan Islam dan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. Kajian ini turut meneliti sejauh mana penerimaan dalam kalangan pelajar bukan Melayu terhadap peruntukan tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar bukan Melayu secara umumnya menerima peruntukan tersebut dengan baik, sekali gus menggambarkan wujudnya kefahaman dan keterbukaan terhadap kedudukan Islam dan orang Melayu seperti yang termaktub dalam perlembagaan. Sementara itu, kajian oleh Nazri Muslim dan Abdul Latif Samian (2012) yang bertajuk “*Tahap Penerimaan Pelajar terhadap Peruntukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan*” bertujuan untuk meneliti tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan pelajar institusi pengajian tinggi awam terhadap peruntukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam konteks hubungan etnik di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan terhadap peruntukan ini adalah tinggi secara keseluruhannya. Namun begitu, kajian tersebut turut mengesan wujudnya

perbezaan yang ketara dari segi etnik, agama, dan aliran pendidikan yang mempengaruhi tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan bahasa Melayu dalam perlembagaan.

Walaupun telah banyak penulisan yang telah dibincangkan sebelum ini berkaitan kefahaman dan pengetahuan tentang Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian lanjutan kepada kajian yang telah dibuat. Begitu juga, kajian ini lebih memfokuskan persepsi pelajar Politrekni METrO Kuantan tentang Perlembagaan Persekutuan.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian merujuk kepada kaedah yang digunakan dalam setiap penyelidikan bagi tujuan pengumpulan dan analisis data (Ahmad Sunawari, 2008). Ia memainkan peranan penting dalam sesuatu kajian kerana berfungsi sebagai prosedur atau langkah sistematik untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan (Ahmad Mahdzan, 1992). Antara aspek utama yang akan dibincangkan dalam metodologi kajian termasuk reka bentuk kajian, persampelan, instrumen kajian, serta kaedah analisis data.

Rekabentuk Kajian

Menurut Kerlinger (1973), reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan dalam sesuatu penyelidikan bagi mendapatkan jawapan yang jelas terhadap persoalan kajian. Kajian yang dijalankan oleh penulis bersifat deskriptif, iaitu berdasarkan gambaran yang telah tersedia. Selain itu, kajian ini juga diklasifikasikan sebagai kajian kuantitatif.

Instrumen Kajian

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik, yang merupakan kaedah pengumpulan data paling lazim digunakan dalam penyelidikan sains sosial. Penggunaan soal selidik membolehkan penyelidik memperoleh maklumat dengan pantas, tepat dan menyeluruh, terutamanya berkaitan dengan aspek kepercayaan, perasaan, sikap dan pandangan dalam kalangan responden. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), soal selidik merupakan alat ukur yang sistematik dan berkesan dalam mendapatkan data berkaitan fenomena sosial secara kuantitatif, terutamanya apabila kajian melibatkan jumlah responden yang besar. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soalan berstruktur, iaitu soalan yang telah ditetapkan jawapannya, dan responden hanya perlu memilih atau memberikan jawapan mengikut skala atau kategori yang disediakan. Pendekatan ini membolehkan data dikumpul dengan lebih teratur dan mudah dianalisis menggunakan perisian statistik, di samping mengurangkan kesilapan tafsiran yang mungkin berlaku sekiranya soalan berbentuk terbuka digunakan. Pemilihan jenis soal selidik ini juga membantu mengekalkan keseragaman dalam jawapan, lantas meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Borang soal selidik kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian utama. Bahagian A merupakan bahagian demografi yang mengandungi soalan-soalan berkaitan latar belakang responden seperti jantina, umur, institusi pengajian, program pengajian, etnik dan agama. Maklumat ini penting untuk tujuan perbandingan dan analisis silang bagi mengenal pasti sebarang hubungan antara latar belakang responden dengan persepsi mereka terhadap Perlembagaan Persekutuan. Bahagian B pula menumpukan kepada aspek pengetahuan dan pemahaman responden terhadap Perlembagaan Persekutuan. Soalan dalam bahagian ini bertujuan menilai tahap penguasaan asas responden terhadap peruntukan utama perlembagaan, khususnya yang berkaitan dengan Islam, kedudukan orang Melayu dan bahasa Melayu. Tahap

kefahaman terhadap dokumen tertinggi negara ini penting dalam membentuk identiti kenegaraan yang kukuh dalam kalangan mahasiswa. Bahagian C mengkaji sikap dan pandangan responden terhadap Perlembagaan Persekutuan. Dalam bahagian ini, pelbagai item disusun untuk menilai tahap penerimaan, sikap penghargaan dan pendirian responden terhadap perlembagaan sebagai asas kepada kestabilan dan perpaduan negara. Ia juga melihat sama ada pelajar bersikap terbuka atau kritikal terhadap isu-isu berkaitan kedudukan agama, bahasa dan kaum dalam perlembagaan. Akhir sekali, Bahagian D menyentuh tentang peranan pendidikan, media dan institusi sosial dalam membentuk persepsi pelajar terhadap Perlembagaan Persekutuan. Soalan dalam bahagian ini bertujuan mengukur sejauh mana pendidikan formal, media massa dan institusi seperti keluarga, sekolah serta institusi keagamaan berperanan dalam meningkatkan kefahaman dan kesedaran pelajar terhadap peruntukan-peruntukan penting dalam perlembagaan.

Secara keseluruhannya, pemilihan soal selidik sebagai instrumen kajian adalah bertepatan dengan objektif penyelidikan yang ingin mengukur tahap pengetahuan, sikap dan persepsi secara menyeluruh dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Dengan struktur soal selidik yang tersusun dan sistematik, kajian ini dapat menghasilkan dapatan yang sahih dan boleh dipercayai untuk memberi gambaran tentang hubungan antara latar belakang pelajar dan persepsi mereka terhadap Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Sampel Kajian

Sampel dalam kajian ini adalah pelajar semester 1 PMKu dan pelajar semester 5 DHF sesi I 2024/2025. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik melalui Google Form yang melibatkan 92 orang pelajar semester 1 dan semester 5 DHF PMKu yang dipilih secara rawak.

Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data, iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer diperoleh melalui soal selidik yang dijalankan ke atas responden menggunakan kaedah persampelan rawak. Sementara itu, sumber sekunder diperoleh melalui analisis dokumen, termasuk Perlembagaan Persekutuan Malaysia, buku-buku, tesis, jurnal, artikel, prosiding, kertas kerja, buku ilmiah kontemporari, bahan ilmiah dari laman web, serta sumber lain yang berkaitan. Analisis dokumen memainkan peranan penting dalam kajian ini kerana ia membolehkan penulis mendapatkan maklumat yang lebih mendalam mengenai topik yang dikaji (Ahmad Sunawari, 2008).

Analisis Data

Maklumat dan data yang diperoleh dalam kajian ini adalah berbentuk **kuantitatif**, yang dikumpulkan melalui instrumen soal selidik berstruktur. Setelah soal selidik dikembalikan oleh responden, data tersebut diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 27.0. SPSS merupakan perisian statistik yang biasa digunakan dalam penyelidikan sains sosial untuk menjalankan pelbagai bentuk analisis data secara sistematik dan tepat. Dalam kajian ini, analisis yang digunakan adalah berbentuk analisis deskriptif, yang merangkumi pengiraan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menjelaskan pola serta taburan data berdasarkan pembolehubah yang dikaji. Pendekatan ini membolehkan penyelidik membuat interpretasi terhadap tahap pengetahuan, kefahaman, sikap dan persepsi responden terhadap Perlembagaan Persekutuan. Untuk tujuan interpretasi tahap min, kajian ini menggunakan skala interpretasi yang dibangunkan berdasarkan kaedah

pengiraan sela jeda seperti yang dicadangkan oleh Bahaman dan Turiman (1999), serta berpandukan kepada rumusan interpretasi yang disarankan oleh Nunally (1978). Skala ini membolehkan penyelidik mentafsir tahap skor responden berdasarkan kategori yang telah ditetapkan. Rujukan kepada Jadual 1 berikut menggambarkan skala interpretasi tersebut:

Jadual 1: Skala Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sedehana Rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Dapatan dan Perbincangan

Jadual 2: Demografi Responden

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	25	27.20%
Perempuan	67	72.80%
Jumlah	92	100%

Program	Frekuensi	Peratus
DHF	72	78.30%
DUP	19	20.70%
Jumlah	92	100%

Semester	Frekuensi	Peratus
SEM 1	73	79.30%
SEM 5	19	20.70%
Jumlah	92	100%

Sumber: Soal Selidik

Merujuk kepada jadual 2, demografi responden melibatkan tiga aspek utama iaitu jantina, program dan semester. Daripada 92 orang responden yang telah dianalisis, didapati bilangan responden perempuan lebih ramai berbanding lelaki iaitu seramai 67 orang (72.80%), manakala lelaki seramai 25 orang (27.20%). Bagi program pula responden dari program DHF seramai 72 orang (78.30%) dan DUP 19 orang (20.70%). Seterusnya berdasarkan semester, responden lebih ramai daripada semester satu iaitu seramai 73 orang (79.30%) dan semester 5 19 orang (20.70%).

Jadual 3: Adakah anda pernah mempelajari Perlembagaan Persekutuan dalam mana-mana kursus atau subjek di PMKu?

Jawapan	Frekuensi	Peratus
Ya	62	67.40%
Tidak	30	32.60%
Jumlah	92	100%

Sumber: Soal Selidik

Berdasarkan jadual 3 di atas, daripada 92 orang responden yang terlibat, seramai **62 orang (67.40%)** menyatakan bahawa mereka **pernah mempelajari Perlembagaan Persekutuan** dalam mana-mana kursus atau subjek di PMKu. Ini menunjukkan bahawa lebih dua pertiga daripada responden terdedah kepada aspek perlembagaan dalam pendidikan mereka. Sebaliknya, terdapat **30 orang (32.60%)** responden yang menjawab **tidak pernah mempelajarinya**.

Jadual 4: Pengetahuan dan Pemahaman tentang Perlembagaan Persekutuan?

Item	Jawapan	Frekuensi	Peratus
B1	Ya	87	94.57%
	Tidak	-	-
	Tidak Pasti	5	5.43%
B2	Ya	88	95.65%
	Tidak	2	2.17%
	Tidak Pasti	2	2.17%
B3	Ya	81	90.00%
	Tidak	4	4.44%
	Tidak Pasti	5	5.56%
B4	Ya	77	83.70%
	Tidak	4	4.35%
	Tidak Pasti	11	11.96%
B5	Ya	87	94.57%
	Tidak	-	-
	Tidak Pasti	5	5.43%

Sumber: Soal Selidik

Jadual 4 menunjukkan sebilangan besar responden **94.57%** menyatakan bahawa mereka tahu apa itu Perlembagaan Persekutuan. Ini menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan pelajar berkaitan kewujudan dan fungsi Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara. Kebanyakan responden **95.65%** menyatakan mereka memahami kandungan utama Perlembagaan. Walaupun jumlah ini tinggi, terdapat sebilangan kecil yang kurang pasti 2.17% atau tidak faham 2.17%, menunjukkan masih ada ruang untuk penambahbaikan dari segi pemahaman mendalam. **90% responden** tahu tentang hak-hak dalam Perlembagaan (seperti kebebasan bersuara, agama, dan sebagainya). Namun, masih terdapat **10%** yang kurang pasti atau tidak tahu, yang menunjukkan keperluan memperkukuhkan pendedahan terhadap hak asasi dalam konteks Perlembagaan. Sebahagian besar responden **83.7%** menyedari bahawa Perlembagaan memberi kesan kepada kehidupan seharian mereka. Ini merangkumi hal-hal seperti pendidikan, kebebasan individu, hak politik dan sebagainya. Namun begitu, ada 10% yang tidak pasti atau tidak sedar kesannya, ini menunjukkan perlunya hubungan teori-praktikal diberi penekanan dalam pengajaran. Majoriti **94.57%** bersetuju bahawa pemahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan penting bagi semua rakyat Malaysia. Ini menunjukkan kesedaran sivik yang tinggi dalam kalangan pelajar dan kefahaman akan kepentingan undang-undang tertinggi negara.

Jadual 5: Sikap dan Pandangan terhadap Perlembagaan Persekutuan

Bil	Item	Min	SP	Interpretasi
C1	Adakah anda bersetuju bahawa Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi sesebuah negara seperti Malaysia?	3.63	.485	Sederhana Tinggi
C2	Adakah anda bersetuju bahawa setiap anggota masyarakat dan khususnya kepada para pelajar perlu memiliki pengetahuan asas berkaitan dengan perlembagaan?	3.64	.505	Sederhana Tinggi
C3	Adakah anda akan patuh dan akur dengan perkara-perkara yang terkandung dalam perlembagaan?	3.65	.543	Sederhana Tinggi
C4	Adakah anda berpendapat bahawa ilmu berkaitan dengan perlembagaan dapat menambah nilai tambah kemahiran insaniah kepada pelajar?	3.63	.507	Sederhana Tinggi
C5	Pada pendapat anda, adakah Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda mengikut perubahan zaman?	3.30	.781	Sederhana Tinggi
Keseluruhan		3.57	.564	Sederhana Tinggi

Sumber: Soal Selidik

Berdasarkan jadual 5, dapatan analisis menunjukkan bahawa kesemua 5 item berkaitan sikap dan pandangan terhadap Perlembagaan Persekutuan berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min keseluruhan ialah 3.57 (SP=0.56). Ini menunjukkan secara keseluruhan, pelajar mempunyai **sikap dan pandangan yang positif serta cenderung menyokong** kepentingan Perlembagaan Persekutuan dari pelbagai aspek.

Jadual 6: Peranan Pendidikan, Media dan Institusi dalam Membentuk Persepsi Pelajar terhadap Perlembagaan Persekutuan

Bil	Item	Min	SP	Interpretasi
D1	Adakah anda bersetuju bahawa kurikulum politeknik memberikan pengetahuan yang mencukupi tentang Perlembagaan Persekutuan?	3.32	.628	Sederhana Tinggi
D2	Adakah pensyarah anda menggunakan contoh-contoh praktikal atau perbincangan mengenai isu-isu semasa untuk menjelaskan kandungan Perlembagaan Persekutuan?	3.55	.562	Sederhana Tinggi
D3	Adakah anda bersetuju media sosial (contohnya: Facebook, Twitter, Instagram, Tik Tok) membantu anda memahami isu-isu berkaitan Perlembagaan Persekutuan?	3.51	.602	Sederhana Tinggi
D4		3.27	.613	Sederhana Tinggi

D5	Adakah anda rasa liputan berita mengenai Perlembagaan Persekutuan adalah seimbang dan tepat?	3.52		
	Adakah anda bersetuju institusi pendidikan (seperti sekolah dan universiti khususnya) memainkan peranan dalam membentuk pandangan anda mengenai Perlembagaan Persekutuan?	3.43	.502	Sederhana Tinggi
			.581	Sederhana Tinggi

Keseluruhan

Sumber: Soal Selidik

Berdasarkan jadual 6, dapatan menunjukkan kesemua 5 item berkaitan peranan pendidikan, media dan institusi terhadap Perlembagaan Persekutuan berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min keseluruhan ialah 3.43 (SP=0.58). Ini menunjukkan bahawa pelajar **secara umum bersetuju bahawa pendidikan, media sosial, dan institusi** seperti sekolah dan politeknik **berperanan penting dalam membentuk persepsi mereka terhadap Perlembagaan**.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap pengetahuan, sikap, dan persepsi yang **sedehana tinggi** terhadap Perlembagaan Persekutuan. Sebahagian besar pelajar telah terdedah kepada isi kandungan perlembagaan melalui kursus di politeknik, dan majoritinya menunjukkan kefahaman yang baik serta kesediaan untuk mematuhi undang-undang tertinggi negara ini. Sikap pelajar juga positif, terutamanya dalam aspek kepentingan pengetahuan perlembagaan dalam kalangan rakyat. Dari segi peranan pendidikan, media dan institusi, pelajar mengakui bahawa pnsyarah, media sosial dan institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk kefahaman mereka. Secara ringkas, kajian ini mencerminkan kesedaran sivik yang baik dalam kalangan pelajar, namun masih terdapat ruang untuk memperkukuh pendedahan dan pemahaman mereka terhadap isu-isu semasa berkaitan Perlembagaan Persekutuan.

Kesimpulan

Secara tuntas, kajian ini membuktikan bahawa pelajar Politeknik METrO Kuantan (PMKu) mempunyai persepsi yang positif terhadap Perlembagaan Persekutuan. Mereka menyedari kepentingannya sebagai asas perundangan dan tonggak kestabilan negara. Peranan institusi pendidikan, media, dan pendekatan pengajaran dilihat berkesan dalam membentuk kefahaman ini. Justeru, usaha memperkukuh kesedaran perlembagaan dalam kalangan pelajar perlu diteruskan melalui pendidikan yang lebih inklusif, interaktif dan relevan dengan isu semasa, agar mereka lebih bersedia menjadi warganegara yang celik perlembagaan dan berwibawa.

Rujukan

- Ahmad Mahdzan Ayob. 1992. Kaedah Penyelidikan Sosiaekonomi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sunawri Long. 2008. Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anon. 2011. Pengajian Malaysia: Sejarah Negara Malaysia. Selangor: International Law Book Services.
- Bahaman, A.S., & Turiman, S. 1999. *Statistic for Social Research with Computer Application*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia Press.
- Baterah Alias, Rafeah Saidon, Azhar Abd Aziz & Suliah Mohd Aris. 2015. Peruntukan Islam dan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan: Suatu Kajian Terhadap Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Negeri Selangor. E-proceedings International Conference on Malay Heritage and Civilization 2015, hlm. 506-521.
- Mardiana Nordin & Hasnah Hussin. 2014. *Pengajian Malaysia*. Edisi Ke-5. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mastura Abd Wahab & Khadijah Muda. 2022. Pengetahuan, Sikap dan Penghayatan Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan Pelajar Universiti dan Hubungannya dengan Latar Belakang Demograf. *Jurnal Sains Insani* 7: 1-4.
- Mastura Abd Wahab, Khadijah Muda, Wan Mohd Fazrul Azd Wan Razali & Siti Nor Azhani Mohd Tahar. 2022. Pengetahuan, Sikap dan Amalan Belia di Lembah Klang terhadap Unsur-unsur Tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. *Journal of Social Sciences and Humanities* 19: 91-107.
- Mohd Azri Ibrahim, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Abang Mohd Razif Abang Muis, Budi Anto, Mohd Tamring & Sirahim Abdullah. 2020. Pengetahuan tentang Perlembagaan dan Undang-undang dalam kalangan Pelajar Baharu di Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 5: 368-373.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. Penyelidikan Pendidikan. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nadzan Haron & Rozeman Abu Hassan. 2010. *Malaysia Melangkah Ke Hadapan*. Perak: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nazri Muslim. 2016. Kefahaman dan Penerimaan Belia terhadap Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies* 14: 29-54.
- Norfiza Apfandi, Nurul Hafizah, Nor Syamilah Md Zin, Nurul Suziana Joli, Wan Rezawana Wan Daud & Rorlinda Yusof. 2022. Kajian Kefahaman Interpretasi Jati Diri dalam Perlembagaan Persekutuan. *International Journal of Social Science Research* 4: 288-300
- Norfiza Apandi, Nor Syamilah Md Zin & Nurul Suziana Joli. 2024. Kajian Kefahaman Elemen Perlembagaan Persekutuan dalam Pembelajaran Subjek Sejarah. *International Journal of Advanced Research in Education and Society* 6: 350-359.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang & Chew Fong Peng. 2017. Pemahaman, Penghayatan dan Pengalaman Jati Diri Pelajar Aliran Pendidikan Universiti Awam. *Jurnal Personalia Pelajar* 20: 1-10.
- Rohani M.M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap Kesiapan Pelajar Dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi, Dan Kandungan (TPACK) Dalam Pembelajaran Kurikulum di IPT. *Proceeding of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*, Pulau Pinang.

ANJURAN:



2nd SKPDT
2025

e ISBN 978-629-95849-0-2

